

3) KES PERUMAHAN LADANG SUBANG

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim (Kota Damansara)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah tindakan kerajaan bagi memastikan seramai 40 orang keluarga menerima rumah yang dijanjikan selama 15 tahun ini?**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-41/2021 pada 14 Disember 2021 telah mensyaratkan agar pihak NPO Builders Sdn. Bhd. menyediakan rumah mampu milik jenis Rumah Selangorku Jenis A kepada 40 keluarga bekas pekerja ladang sebagai salah satu syarat pembangunan tanah tersebut di atas hakmilik GRN 314518 sebahagian Lot 85722, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.

Syarat ini diwajibkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menurut peruntukan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, khususnya berkaitan kelulusan pemberimilikan dan kelulusan pindah milik tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, pemaju hendaklah menunaikan syarat ini terlebih dahulu sebelum sebarang pembangunan lain di atas tanah berkenaan dapat diluluskan atau dimulakan.

- b) Bilakan pihak pemaju ingin membina rumah berkenaan dan dijangka siap?**

Pihak pemaju memaklumkan pihak mereka masih lagi belum memuktamadkan urusan tanah dan perancangan pembangunan tersebut. Berdasarkan jadual pelaksanaan yang dikemukakan oleh pemaju, Projek ini dianggarkan dapat dimulakan pada September 2026 dan dijangka siap dalam tempoh masa 36 bulan iaitu suku ke-3 2029.

- c) Adakah pihak kerajaan membantu mempercepatkan urusan tanah bagi membolehkan perumahan pekerja ladang dapat dibina segera?**

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Negeri dan agensi teknikal berkaitan seperti PTGS, LPHS serta Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa komited untuk membantu mempercepatkan urusan pecah bahagi dan pelan pembangunan tertakluk kepada pemaju mengemukakan permohonan yang lengkap dan

memenuhi semua keperluan perundangan di bawah Akta Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), serta garis panduan pembangunan semasa Negeri Selangor. Sekiranya semua dokumen lengkap dikemukakan oleh pemaju, Kerajaan Negeri bersedia memberi keutamaan dalam proses semakan dan kelulusan bagi memastikan rumah pekerja ladang yang dijanjikan dapat diserahkan kepada para pekerja ladang.